

17 SEP 1999

Abu Bakar-Timor

JENERAL M'SIA DILANTIK TIMBALAN PEMERINTAH DI TIMOR TIMUR

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- Seorang jeneral tentera darat Malaysia telah dilantik sebagai Timbalan Pemerintah Pasukan Pelbagai Negara Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang akan dihantar ke Timor Timur untuk memulihkan keamanan dan ketenteraman di wilayah itu.

Menteri Pertahanan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha hari ini berkata, Brigadier-Jeneral itu juga akan mengetuai sekumpulan 16 pegawai Malaysia dan 13 anggota lain-lain pangkat ke pasukan pelbagai negara itu.

Semasa bercakap kepada pemberita di sini, Menteri itu berkata Setiausaha Agung PBB Kofi Annan memaklumkan mengenai pelantikan itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melalui telefon tengah hari semalam.

Dr Mahathir yang berada di Wilayah Persekutuan Labuan semalam kerana lawatan sehari telah bersetuju dengan pelantikan itu, kata Abang Abu Bakar yang bagaimanapun tidak menyatakan nama Brigadier-General yang dilantik itu.

Sementara itu Penglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Mohamed Zahidi Zainuddin berkata, brigadier jeneral yang dilantik itu sebagai berpengalaman dalam operasi ketenteraan PBB dan tentera Indonesia.

Pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan berkata sebuah pesawat Hercules C-130 milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) akan membawa pasukan Malaysia itu menyertai Pasukan Pelbagai Negara (MSN) di Dili pada hujung minggu ini.

Malaysia sejak sedekad lepas telah menghantar tenteranya dengan aktif bagi operasi menjaga keamanan PBB serta misi-misi penguatkuasaan keamanan antara lain di Namibia, Kemboja, Somalia dan wilayah Balkan.

Pembabitian Malaysia dalam operasi ketenteraan PBB ada kalanya membabitkan batalion sehingga 2,000 orang.

Walaupun belum ada angka rasmi, pernah berlaku kematian anggota tentera Malaysia semasa bertugas di luar negara di bawah panji PBB.

Di Somalia, sebagai contoh askar Malaysia menyertai askar Amerika Syarikat dalam pertempuran dengan puak militia di Pasar Bakhara di Mogadishu dengan seorang anggota tentera Malaysia terbunuh dalam pertempuran itu.

Pegawai Malaysia yang dilantik ke jawatan pemerintah tertinggi dalam misi-misi PBB sebelum ini ialah Leftenan Jeneral Datuk Aboo Samah Aboo Bakar, yang mengetuai Operasi PBB di Somalia (UNOSOM) pada awal 90-an.

Abang Abu Bakar berkata, Malaysia akan memainkan peranan besar enam minggu selepas ketibaan MSN di wilayah itu tetapi beliau tidak menyatakan saiz kontingen Malaysia yang akan dihantar itu.

Malaysia telahpun menyumbangkan 60 pemerhati tentera dan anggota polis kepada misi pertama PBB di Timor Timur (Unamet) sebelum pungutan suara pada 30 Ogos lepas.

MNF, menurut istilah PBB, ialah fasa II operasi PBB di wilayah yang dilanda keganasan itu yang tinggalkan oleh penjajahnya, Portugis pada 1975 sebelum ia diilhakkan oleh Indonesia.

Sumber-sumber Kementerian Pertahanan dan Kementerian Luar berkata, bagi fasa III -- operasi menjaga keamanan (PKO) -- setiausaha agung PBB telah berkata beliau akan mempertimbangkan Malaysia bagi jawatan pemerintah PKO.

Antara 10 anggota Asean, Filipina dan Thailand telah membuat komitmen untuk menghantar tentera dalam fasa PKO.

Sumber itu juga berkata, Setiausaha Agung PBB kesal kerana beliau "agak

lewat sedikit" dalam menghubungi Asean tetapi memberi jaminan kepada duta-duta mereka yang ia "bukan sesuatu yang difikirkan kemudian".

Asean terdiri daripada Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

"Annan memaklumkan kita yang beliau terpaksa menerima tawaran Australia oleh kerana mereka bersedia dan dapat memberi respon dengan segera memandangkan keadaan di wilayah itu terus bertambah buruk dan memerlukan tindakan segera," kata sumber itu.

Australia akan mengetuai pasukan MSN dengan kekuatan 8,000-orang ke Timor Timur untuk mengembalikan keamanan selepas militia pro-Jakarta merusuh dan membunuh beribu-ribu orang.

Keganasan tercetus selepas pungutan suara oleh PBB bulan lepas yang menunjukkan majoriti rakyat negara itu mahukan kemerdekaan wilayah itu daripada Indonesia.

Laporan daripada Jakarta hari ini berkata, pemerintah pasukan PBB itu, Major-Jeneral Peter Cosgrove, dari Australia, dijangka tiba di wilayah itu esok.

-- BERNAMA

MGM RYN PR